



AMALAN BAIK PERATURAN

BUKU PANDUAN 2.0

Julai 2021



AMALAN BAIK PERATURAN BUKU PANDUAN 2.0

e ISBN 978-967-2941-08-8

9 7 8 9 6 7 2 9 4 1 0 8 8

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: 603-7955 7266 | Email: grp@mpc.gov.my

Sekiranya terdapat pencanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu di dalam kandungan dokumen Buku Panduan ini, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai.

Kandungan //

Akronim	3
1.0 Mengenai Buku Panduan	4
2.0 Definisi Istilah	5
2.1 Amalan Baik Peraturan	
2.2 Peraturan	
2.3 Pengawal Selia	
2.4 Dasar Peraturan	
2.5 Peraturan Teknikal	
2.6 Analisis Impak Peraturan	
2.7 <i>Full RIA</i>	
2.8 <i>Light RIA</i>	
2.9 Penyata Impak Peraturan	
2.10 Pendekatan “Keseluruhan Kerajaan”	
3.0 Sistem Pengurusan Proses Peraturan	7
3.1 Prinsip Amalan Baik Peraturan	
3.1.1 Campur Tangan Kerajaan adalah Perlu dan Wajar	
3.1.2 Akauntabiliti	
3.1.3 Ketelusan, Kebolehcapaian dan Keberkesanan Rundingan dengan Pihak Berkepentingan	
3.1.4 Faedah Melebihi Kos	
3.1.5 Berkadaran	
4.0 Pelaksanaan Amalan Baik Peraturan di Malaysia	9
4.1 Objektif	
4.2 Skop dan Pengecualian	
4.3 Proses Peraturan	
4.3.1 Penilaian Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN)	
4.3.2 Penilaian Awal RIS	
4.3.3 Penilaian Akhir RIS	
4.4 Penerbitan Pelan Peraturan Tahunan	
4.5 Pelaksanaan Semakan Lima Tahun Sekali	

5.0 Penyediaan Penyata Impak Peraturan (RIS)	13
5.1 Elemen Utama	
5.1.1 Penyataan Masalah	
5.1.2 Objektif	
5.1.3 Opsyen	
5.1.4 Analisis Impak	
5.1.5 Konsultasi	
5.1.6 Rumusan dan Syor	
5.1.7 Strategi Pelaksanaan	
5.2 Menilai Kecukupan RIS	
5.3 Ringkasan Satu Halaman RIS	
5.4 Rumusan Proses RIS	
5.5 Penilaian Pasca Pelaksanaan	
5.6 Kewajiban-kewajiban yang timbul daripada Triti-triti dan Perjanjian-perjanjian Antarabangsa	
5.7 Penilaian Impak Perdagangan	
5.8 Penilaian ke atas Peraturan Sedia Ada (<i>Ex-post</i>)	
5.9 Rujukan	
Lampiran	
Lampiran 1 : Templat untuk Penyata Impak Peraturan	38
Lampiran 2 : Panduan untuk Analisis Risiko	42
Lampiran 3 : Ciri-Ciri kategori RIS	47
Lampiran 4 : Panduan untuk <i>Cost Effectiveness Analysis</i> (CEA)	49
Lampiran 5 : Panduan untuk <i>Multi Criteria Analysis</i> (MCA)	52
Lampiran 6 : Panduan untuk Kos-Kos Pematuhan Perniagaan	54
Lampiran 7 : Kriteria untuk Menilai Kecukupan RIS	59
Lampiran 8 : Templat untuk Rumusan Satu Mukasurat RIS	61
Lampiran 9 : Templat untuk Penilaian Pasca Pelaksanaan (PIR)	62
Lampiran 10 : Perjanjian-perjanjian Antarabangsa : Kewajipan Pengawal-pengawal Selia Terhadap Peraturan-peraturan Teknikal dan Peraturan-peraturan SPS	64
Rajah	
Rajah 1 : Elemen-elemen RIA	11
Rajah 2 : Taksonomi Kos-kos Peraturan	55
Jadual	
Jadual 1 : Penyata Ringkasan Kos-Faedah	26
Jadual 2 : Kos-kos Pematuhan Peraturan	57

Akronim

CBA	Cost-benefit Analysis	Analisis Kos-Faedah
DRN	Digital Regulatory Notification	Notifikasi Peraturan secara Digital
GRP	Good Regulatory Practice	Amalan Baik Peraturan
MPC	Malaysia Productivity Corporation	Perbadanan Produktiviti Malaysia
MyCure	Cutting Red Tape	Mengurangkan Karenah Birokrasi
NPDIR	National Policy on the Development and Implementation of Regulations	Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan
NPGRP	National Policy on Good Regulatory Practice	Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan
NTM	Non-Tariff Measures	Langkah-langkah Bukan Tariff
OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
PIR	Post Implementation Review	Penilaian Pasca Pelaksanaan
RC	Regulatory Coordinator	Penyelaras Peraturan
RIA	Regulatory Impact Analysis	Analisis Impak Peraturan
RIS	Regulatory Impact Statement	Penyata Impak Peraturan
RPMS	Regulatory Process Management System	Sistem Pengurusan Proses Peraturan
RURB	Reducing Unnecessary Regulatory Burdens	Mengurangkan Beban Kawal Selia yang Tidak Wajar
SCM	Standard Cost Model	Model Kos Piaawai
SME	Small Medium Enterprises	Perusahaan Kecil dan Sederhana
TBT	Technical Barriers to Trade Agreement	Perjanjian Halangan Teknikal Perdagangan
SPS	Agreement on the Application of Sanitary and Phytosanitary Measures	Perjanjian tentang Penerapan Tindakan Sanitari dan Fitosanitari
WTO	World Trade Organization	Organisasi Perdagangan Dunia

1.0 Mengenai Buku Panduan

Peraturan merupakan instrumen yang digunakan secara meluas oleh Kerajaan untuk mencapai sasaran dasar awam. Peraturan yang baik menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan dan kelancaran fungsi masyarakat. Peraturan hendaklah digubal agar ia “sesuai dengan tujuan”, berkesan, dan efisien ke arah mencapai sasaran objektif peraturan tersebut.

Kerajaan Malaysia telah membangunkan Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) yang meliputi prinsip, amalan dan panduan untuk memberi bimbingan mengenai pengurusan peraturan di Malaysia. NPGRP menggantikan Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR).

Buku Panduan Amalan Baik Peraturan 2.0 ini merupakan rujukan kepada pengawal-pengawal selia dalam melaksanakan NPGRP. Buku Panduan ini disasarkan untuk digunakan oleh pengawal-pengawal selia dan pegawai-pegawai kawal selia terutamanya yang terlibat dalam proses pembangunan dan pelaksanaan peraturan. Buku panduan ini hendaklah digunakan selari dengan NPGRP dan Sistem Pengurusan Proses Peraturan (RPMS) seperti yang diperincikan di dalam dokumen dasar. Ia memberi panduan langkah demi langkah untuk pelaksanaan dan pematuhan terhadap NPGRP.

Buku panduan ini terdiri daripada 5 bahagian. Bahagian pertama menerangkan mengenai buku panduan ini sementara bahagian kedua adalah mengenai definisi istilah- istilah yang mana ia memberi pengenalan ringkas terhadap istilah-istilah yang kerap digunakan dalam GRP. Ini diikuti dengan bahagian ketiga yang memberi perincian keseluruhan prinsip-prinsip GRP dalam RPMS. Dalam 2 bahagian yang seterusnya, membincangkan antara lain, kitaran peraturan, ciri-ciri utama dan aturan pentadbiran untuk pelaksanaan GRP dan keperluan peraturan serta memperincikan mengenai penilaian ex-post iaitu proses penilaian terhadap pencapaian peraturan yang dilaksanakan dan bagaimana untuk menjalankan penilaian tersebut.

Aturan dan amalan sedia ada hendaklah disemak untuk memastikan bahawa ia memenuhi syarat-syarat dalam NPGRP. Buku panduan ini adalah dokumen yang dinamik di mana isi kandungannya akan ditambahbaik dan dikemaskini dari semasa ke semasa.

Maklumat tambahan dan dokumen berkaitan proses peraturan di Malaysia boleh didapati di grp.mpc.gov.my. Untuk maklumat lanjut, hubungi:

Seksyen Daya Saing Negara

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan Malaysia

E-mel: grp@mpc.gov.my
Telefon: 603-79557266
Fax: 603-79578068

2.0 Definisi Istilah

2.1 Amalan Baik Peraturan

Amalan Baik Peraturan (GRP) merupakan satu kaedah dalam amalan penggubalan peraturan yang merangkumi prinsip, kaedah, dan panduan untuk meningkatkan kualiti peraturan. GRP memastikan bahawa peraturan adalah “sesuai untuk tujuan” dan akan membawa kepada matlamat dasar awam yang ingin dicapai secara seimbang, adil, dan telus.

GRP menetapkan pelbagai tahap dalam proses pembangunan peraturan secara sistematis. Ia memerlukan analisis yang teliti terhadap isu-isu dan cadangan-cadangan sebelum membuat keputusan terhadap cadangan peraturan dan ia juga memerlukan rundingan dengan pihak yang berkepentingan sebelum cadangan penyelesaian dibentangkan kepada pembuat keputusan untuk dipertimbangkan. Prinsip utama GRP adalah untuk membolehkan pembuat keputusan membuat keputusan yang tepat berdasarkan proses penggubalan peraturan yang mantap dan telus.

2.2 Peraturan

Peraturan merujuk kepada langkah-langkah yang bersifat umum dalam pelbagai bentuk yang digunakan oleh pengawal-pengawal selia. Peraturan-peraturan ini merangkumi perundangan utama (Akta, Enakmen dan Ordinan). Undang-undang subsidiari termasuklah Peraturan, Piawaian, Kaedah, Undang-undang Kecil, Perintah dan Garis Panduan.

Peraturan-peraturan digunakan oleh Kerajaan, dalam kombinasi dengan instrumen-instrumen lain, untuk mencapai objektif polisi awam. Peraturan-peraturan menetapkan prinsip, aturan dan syarat yang mengawal tingkah laku warganegara, perniagaan dan organisasi lain ke arah mencapai objektif yang dikehendaki.

2.3 Pengawal Selia

Pengawal selia merujuk kepada agensi Kerajaan (Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Suruhanjaya Pengawal Selia, dan lain-lain) yang bertanggungjawab untuk membangunkan, melaksanakan, menyelenggara dan menguatkuasa fungsi-fungsi peraturan.

2.4 Dasar Peraturan

Dasar peraturan melibatkan prinsip, amalan dan proses yang mana Kerajaan menggunakan instrumen-instrumen peraturan untuk meningkatkan ekonomi dan mencapai matlamat sosial yang lebih baik untuk kesejahteraan rakyat.

2.5 Peraturan Teknikal

Peraturan teknikal merupakan salah satu peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang menyediakan keperluan teknikal yang dikuatkuasa, sama ada secara langsung atau merujuk kepada atau menggabungkan kandungan piawaian produk atau perkhidmatan, spesifikasi teknikal atau tatakelakuan.

Peraturan teknikal boleh mengspesifikasikan jenis produk atau perkhidmatan yang dibenarkan atau tidak dibenarkan atau hasil yang diperlukan. Secara asasnya, ia memberi kesan kepada jenis produk atau perkhidmatan yang ada dalam pasaran.

2.6 Analisis Impak Peraturan

Analisis Impak Peraturan (RIA) ialah proses yang sistematik dalam analisis dan komunikasi mengenai impak atau keberkesanan sesuatu peraturan baru atau semakan terhadap peraturan sedia ada. Ciri-ciri penting RIA ialah setiap keputusan adalah berdasarkan maklumat yang lengkap dan bukti asas untuk campur tangan peraturan melalui analisis permasalahan, objektif dan opsyen, konsultasi dengan pihak yang berkepentingan, analisis kos-faedah, serta strategi pelaksanaan.

2.7 Full RIA

Full RIA merujuk kepada tahap sesuatu analisis yang dilaksanakan terhadap cadangan yang mempunyai impak merangkumi kesemua atau sektor utama ekonomi. Analisis secara mendalam, kajian kos-faedah yang komprehensif dan rundingan yang menyeluruh diperlukan dalam hal ini.

2.8 Light RIA

Light RIA dilaksanakan untuk cadangan yang mana impaknya adalah rendah dan kurang signifikan terhadap ekonomi atau impaknya hanya tertakluk kepada sejumlah kecil sektor ekonomi. Pengukuran kos dan faedah adalah diperlukan atau disokong oleh analisis secara kualitatif.

2.9 Penyata Impak Peraturan

Penyata Impak Peraturan (RIS) adalah suatu dokumen yang disediakan oleh pengawal selia sebagai sokongan untuk cadangan suatu peraturan baru atau suatu pindaan kepada peraturan sedia ada, yang dikeluarkan berdasarkan konsultasi dengan pihak-pihak terkesan. Ia mengandungi perincian mengenai RIA yang dilaksanakan dan analisisnya, saranan pilihan dan strategi pelaksanaan. RIS dibentangkan kepada pembuat keputusan untuk membolehkan keputusan dilakukan berdasarkan penilaian yang seimbang terhadap maklumat terbaik yang diperolehi.

2.10 Pendekatan “Keseluruhan Kerajaan”

Pendekatan “Keseluruhan Kerajaan” merujuk kepada aturan dalam sektor awam untuk meningkatkan koordinasi dan integrasi antara agensi dalam menangani masalah yang sentiasa berlaku dalam sektor dan perkhidmatan awam. Pendekatan ini adalah untuk mengurangkan insiden meliputi dasar-dasar berlainan yang terpakai dalam sektor awam dan mengelakkan mana-mana pihak terkesan disebabkan oleh agensi-agensi yang bekerja secara tidak bersepada.

3.0 Sistem Pengurusan Proses Peraturan (RPMS)

Sistem peraturan di Malaysia merangkumi institusi, prinsip, amalan dan proses yang mana melaluinya peraturan-peraturan dibangunkan, dilaksanakan, dikuatkuasa dan disemak. Pembangunan peraturan boleh mengikuti sama ada pendekatan dari atas ke bawah atau bawah ke atas dengan cadangan bermula daripada pihak Kabinet atau Agensi Pengawal Selia. Kelulusan hendaklah diperolehi daripada Kabinet (Eksekutif) dan, jika bersesuaian, daripada Parlimen (Badan Perundangan) dengan persetujuan Diraja yang diperolehi daripada Yang Di-Pertuan Agong.

Peraturan-peraturan dikeluarkan oleh Menteri Kerajaan atau Agensi Pentadbiran dari mana-mana badan perundangan (contohnya Parlimen atau Dewan Undangan Negeri) telah menurunkan kuasanya melalui sesuatu kanun yang memperuntukkan punca kuasa contohnya Akta atau Enakmen. Setiap Menteri dibantu oleh Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun atau/dan Suruhanjaya Peraturan untuk melaksanakan bidang tugas dan tanggungjawab beliau. Peraturan digunakan oleh Kerajaan, apabila perlu, untuk mencapai objektif dasar awam kerana peraturan mempunyai kesan yang mengikat dari segi perundangan.

Proses penggubalan peraturan memerlukan pegawai-pegawai kawal selia menilai pelbagai pilihan untuk mencapai objektif dasar yang ditentukan termasuk peraturan sebagai sebahagian daripada pilihan penyelesaian. Tanggungjawab untuk menilai keberkesanan dan kesesuaian instrumen peraturan dan bukan peraturan untuk mencapai objektif dasar terletak pada pihak pengawal selia.

Cabaran pada Kerajaan ialah penyampaian peraturan yang berkesan dalam menangani masalah yang telah dikenalpasti dan efisien di dalam penggunaan sumber untuk memaksimakan manfaat pada masa yang sama mengurangkan kos kepada masyarakat. Dalam menentukan sama ada peraturan memenuhi matlamat keberkesanan dan kecekapan dan pendekatan berstruktur untuk diguna pakai ke arah dasar pembangunan diperlukan.

RPMS, sepertimana yang telah digariskan dalam NPGRP, menyarankan pendekatan “Keseluruhan Kerajaan” dalam menguruskan ekosistem peraturan negara. Ia menggariskan prinsip, amalan, proses dan panduan kepada pengawal selia menguruskan tanggungjawab peraturan.

Langkah pertama dalam proses pembangunan dasar ialah mengenalpasti dengan berkesan isu atau masalah dan objektif atau tujuan sesuatu dasar. Pelbagai pilihan hendaklah dipertimbangkan untuk mencapai matlamat atau hasil dasar yang diingini. Analisis berkaitan kemungkinan impak terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar hendaklah dilakukan. Rundingan yang berkesan memastikan kedua-dua pihak iaitu pengawal selia dan pihak-pihak yang berkaitan memahami masalah, pilihan penyelesaian untuk menangani masalah, manfaat, kos dan risiko peraturan yang diusulkan, dan pengurusan serta mekanisma pematuhan yang akan berlaku. Ketelusan dalam pembangunan peraturan merupakan perkara yang amat penting dalam tadbir urus peraturan. Ketelusan meningkatkan kebertanggungjawaban dan kebolehcapaian, mengurangkan kegagalan dan ketidakpastian peraturan, memudahkan komunikasi dengan pihak-pihak yang terbabit, serta meningkatkan tahap pematuhan.

3.1 Prinsip Amalan Baik Peraturan

3.1.1 Campur tangan kerajaan adalah perlu dan wajar

Campur tangan kerajaan dalam ekonomi hendaklah berdasarkan bukti yang jelas bahawa tindakan tersebut adalah perlu dan wajar. Pelaksanaan peraturan tidak seharusnya menjadi pilihan secara automatik kerana pilihan bukan peraturan hendaklah dipertimbangkan. Pengawal selia harus mengelakkan daripada mengenakan beban peraturan yang tidak wajar yang boleh mengganggu aktiviti ekonomi.

3.1.2 Akauntabiliti

Pengawal selia mesti bertanggungjawab ke atas keputusan yang diambil yang seharusnya ia dapat dipertahankan daripada penelitian awam. Pengawal selia juga harus memastikan tindakan pengawalseliaan adalah berdasarkan peruntukan undang-undang dan koordinasi antara Agensi untuk mengelakkan sebarang konflik dalam polisi.

3.1.3 Ketelusan, kebolehcapaian dan rundingan dengan pihak berkepentingan yang terkesan

Ketelusan sangat penting dalam proses peraturan agar ianya boleh boleh dipercayai. Pengawal selia hendaklah mendedahkan maklumat mengenai proses peraturan, isu, keputusan dan dasar mereka kecuali jika terdapat alasan untuk tidak berbuat sedemikian. Pengawal selia hendaklah memastikan bahawa pihak-pihak yang terkesan sama ada secara langsung atau tidak langsung dimaklumkan dan pendapat mereka diambilkira serta dipertimbangkan. Pihak-pihak yang terlibat hendaklah mempunyai akses kepada peraturan yang memberi kesan kepada mereka.

3.1.4 Faedah Melebihi Kos

Penilaian ex-ante terhadap kos, faedah, dan risiko adalah komponen penting dalam analisis peraturan. Kos dan faedah terhadap semua pihak-pihak yang terlibat hendaklah diambilkira. Analisis sedemikian hendaklah berdasarkan data kuantitatif dan analisis kualitatif harus digunakan hanya apabila perlu. Peraturan hendaklah dilaksanakan hanya apabila dapat dibuktikan bahawa faedah keseluruhannya adalah jelas dan mengatasi sebarang kesan buruk terhadap komuniti.

3.1.5 Berkadaran

Prinsip berkadar memastikan bahawa tindakan Pengawal Selia tidak melampaui batas-batas yang sepatutnya dan tidak melangkaui masalah-masalah yang ditangani. Skop dan asas tindakan Kerajaan hendaklah sepadan dengan magnitud permasalahan, kesannya, dan tahap risiko yang terlibat. Prinsip berkadar adalah digunakan terhadap analisis, merangka, dan pelaksanaan peraturan termasuk menggunakan penilaian risiko dan pendekatan pengurusan yang bersesuaian.

4.0 Pelaksanaan Amalan Baik Peraturan di Malaysia

4.1 Objektif

Objektif NPGRP adalah untuk menggalakkan sistem peraturan yang berkesan, cekap, bertanggungjawab dan proses penggubalan peraturan yang menyokong usaha merealisasikan matlamat pembangunan ekonomi negara.

4.2 Skop dan Pengecualian

NPGRP digunakan kepada semua peraturan yang memberi kesan terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar. Penyediaan Penyata Impak Peraturan (RIS) tidak diperlukan untuk:

- Peraturan yang dilaksanakan atas sebab keselamatan dan kedaulatan negara;
- Peraturan yang berkaitan dengan undang-undang jenayah, seperti Kanun Keseksamaan; dan
- Pekeliling pentadbiran yang bertujuan untuk pentadbiran perkhidmatan awam.

Di samping itu, pengawal selia boleh terus melaksanakan peraturan tanpa RIS dalam situasi yang luar biasa dan mendesak yang memerlukan tindakan segera. Dalam situasi-situasi seperti ini, pengawal selia hendaklah memaklumkan perkara ini kepada MPC dengan memberi justifikasi untuk keputusan tersebut. Penilaian pasca pelaksanaan adalah diperlukan untuk peraturan berkaitan.

4.3 Proses Peraturan

Pengawal selia yang berhasrat untuk mengemukakan sebarang cadangan peraturan baru atau pindaan terhadap peraturan sedia ada dikehendaki memaklumkan kepada MPC pada peringkat awal proses membuat keputusan dan memberi maklumat kepada MPC untuk mengenalpasti sama ada RIS perlu dilakukan.

4.3.1 Penilaian Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN)

Pengawal selia hendaklah terlebih dahulu memaklumkan kepada MPC mengenai setiap cadangan untuk membuat atau meminda peraturan menggunakan Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN). Maklumat yang diperlukan termasuk ringkasan cadangan dan kemungkinan kesan terhadap perniagaan atau pihak berkepentingan lain. Sistem ini akan mengeluarkan maklum balas sama ada RIS diperlukan untuk peraturan yang diusulkan. RIS merupakan dokumen yang mengandungi hasil daripada RIA.

Sekiranya RIS perlu dilaksanakan, Pengawal Selia hendaklah membuat pengumuman awal mengenai tujuan tindakan peraturan yang diusulkan di laman web pengawal selia, untuk memberitahu objektifnya kepada orang awam.

Soalan-Soalan Lazim - Syarat untuk Penyata Impak Peraturan (RIS)

Adakah RIS hanya disyaratkan untuk perundangan utama atau mana-mana perundangan?

Tidak. RIS disyaratkan terhadap semua peraturan dan juga terhadap syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan yang bukan merupakan sebahagian daripada peraturan kerajaan yang jelas (contohnya kod-kod amalan industri, nota panduan, perjanjian industri Kerajaan, pekeliling pentadbiran dan skema pengakreditasian).

Adakah RIS disyaratkan sekiranya pihak lain selain daripada Kabinet yang membuat keputusan ?

Ya. RIS hendaklah dilaksanakan terhadap semua peraturan tanpa mengira pihak yang membuat keputusan. Tujuan RIS adalah untuk membolehkan pembuat keputusan membuat keputusan yang tepat.

Adakah RIS disyaratkan hanya terhadap peraturan baru dan tidak perlu kepada pindaan peraturan?

Tidak. Keperluan melaksanakan RIS adalah digunakan terhadap kedua-dua peraturan baru dan peraturan yang akan dipindahkan.

Adakah RIS hanya perlu mempertimbangkan kesan terhadap perniagaan dan tidak kepada organisasi yang bukan berteraskan keuntungan?

RIS hendaklah memberi pertimbangan impak terhadap semua pihak seperti pengguna, Kerajaan dan komuniti.

Adakah RIS hanya perlu apabila peraturan mengenakan kos pematuhan?

Tidak. RIS hendaklah dilaksanakan sekiranya keputusan berkaitan peraturan akan memberi impak kepada perniagaan. Kesan-kesannya meliputi perkara-perkara sedia ada yang boleh diukur dalam terma kewangan (contohnya kos-kos pematuhan, caj-caj perkhidmatan atau subsidi-subsidi) serta perkara-perkara yang tidak boleh diukur dalam terma kewangan (contohnya kos pencemaran).

Adakah RIS diperlukan apabila suatu peraturan memberi manfaat kepada perniagaan?

Ya. RIS hendaklah dilaksanakan untuk keputusan peraturan yang mempunyai kesan sama ada baik atau buruk kepada perniagaan, melainkan kesan tersebut adalah kecil.

Adakah RIS hanya diperlukan untuk tujuan rekod?

Tidak. RIS perlu dibentangkan kepada pembuat keputusan untuk membantu dalam proses membuat keputusan.

Adakah RIS perlu mempertimbangkan pilihan bukan peraturan?

Ya. Sekiranya pilihan bukan peraturan boleh dilaksanakan untuk mencapai matlamat Kerajaan, ia seharusnya dimasukkan ke dalam RIS.

Sekiranya faedah-faedah tidak dapat dinilai dengan mudah, adakah RIS masih memerlukan analisis kos-faedah?


Ya, walaupun terdapat kesulitan untuk mengenalpasti nilai dari segi kewangan terhadap sesuatu faktor termasuk kesan terhadap alam sekitar dan sosial. Analisis kos-faedah sepatutnya dapat mengenalpasti kesulitan ini dan memasukkan perbincangan kualitatif berkaitan impak untuk tujuan perbandingan dengan impak lain yang boleh diukur secara kuantitatif.

4.3.2 Penilaian Awal RIS

Proses RIA selalunya bermula setelah MPC memaklumkan kepada pengawal selia bahawa RIS perlu dilaksanakan. RIS mengandungi perincian mengenai RIA yang dilakukan dan dapatan, pilihan cadangan penyelesaian strategi pelaksanaan. RIS membolehkan keputusan dapat dibuat dengan tepat berdasarkan penilaian yang mendalam dan seimbang berdasarkan maklumat terbaik yang tersedia.

Elemen-elemen RIA ditunjukkan dalam Carta 1 dibawah:

Carta 1: Elemen-elemen RIA



Pada peringkat ini, pengawal selia perlu mengemukakan 4 elemen pertama yang meliputi isu atau masalah yang dikenalpasti, objektif cadangan penyelesaian, opsyen yang dikenalpasti dan penilaian awal kos-faedah, sekiranya ada.

4.3.3 Penilaian Akhir RIS

Pengawal selia mengemukakan RIS yang merangkumi kesemua 7 elemen dan MPC akan memberikan maklum balas sama ada elemen-elemen tersebut adalah memadai ataupun tidak. Nota Penilaian Akhir oleh MPC akan dikeluarkan selepas membuat semakan terhadap 7 elemen RIS.

4.4 Penerbitan Pelan Peraturan Tahunan

MPC akan menerbitkan satu laporan, Permodenan Peraturan, yang meliputi aktiviti-aktiviti kawal selia peraturan yang dilaksanakan oleh Pengawal Selia. Laporan ini memberi penilaian berkaitan kemajuan yang dicapai dalam melaksanakan dasar GRP.

Sebagai salah satu fungsi dalam memudahcara pelaksanaan NPGRP, MPC akan memohon Penyelaras Peraturan untuk menyediakan satu senarai peraturan-peraturan yang diluluskan dalam tahun yang sebelumnya. MPC akan membuat penilaian terhadap peraturan-peraturan ini untuk memastikan pencapaian kemajuan dalam pelaksanaan GRP.

Penyelaras Peraturan juga perlu memaklumkan pelan peraturan (perancangan untuk peraturan-peraturan baru dan/atau semakan peraturan untuk tahun tersebut) kepada MPC pada bulan Januari pada setiap tahun. Penerbitan perancangan peraturan-peraturan tahunan akan meningkatkan ketelusan dan kebolehramalan serta menggalakkan keterlibatan pihak berkepentingan.

4.5 Semakan Lima Tahun Sekali

Semua peraturan perlu disemak secara berkala untuk memastikan tujuannya masih relevan. Adalah dicadangkan bahawa setiap peraturan disemak sekali pada setiap 5 tahun melainkan ianya tertakluk kepada peruntukan penilaian statutori yang lain. Perancangan semakan hendaklah mengemukakan objektif asal peraturan dan pencapaian terkini dalam mencapai matlamatnya.

5.0 Penyediaan Penyata Impak Peraturan

5.1 Elemen Utama

Penyata Impak Peraturan (RIS) adalah satu dokumen yang disediakan oleh Pengawal Selia untuk menyokong cadangan untuk peraturan baru atau membuat pindaan peraturan. Penyata ini mengandungi perincian berkaitan RIA yang dilaksanakan dan dapatannya, cadangan pilihan dan strategi pelaksanaan. RIS dibentangkan kepada pembuat keputusan untuk membolehkan pembuat keputusan membuat keputusan yang tepat berdasarkan penilaian yang mendalam dan maklumat terbaik yang ada.

RIA menggunakan rangka kerja yang mantap untuk mengumpul, menyusun dan menilai maklumat terhadap kesan-kesan yang diramalkan daripada opsyen lain dasar. Ia membantu dalam memastikan tindakan kawal selia peraturan yang diambil adalah perlu dan wajar untuk mencapai matlamat yang diingini. Ianya juga dapat memastikan pelaksanaannya adalah cekap, tidak membebankan dan efektif dari segi kos. (Rujuk kepada Lampiran 1 untuk Templat RIS)

7 elemen dalam proses RIA adalah seperti yang digarisukkan di bawah:

5.1.1 Elemen 1: Penyataan Masalah

RIA hendaklah mengenalpasti dengan jelas isu atau masalah yang perlu ditangani. Simptom-simptom dan punca masalah hendaklah dibezaikan dengan teliti. Mengenalpasti punca-punca membantu untuk menyelesaikan masalah.

Dalam mengenalpasti asas dan tahap sesuatu masalah, bukti empirikal dan persepsi masalah hendaklah dijadikan rujukan, sekiranya ada. Jika masalah melibatkan risiko terhadap masyarakat awam, perniagaan, pekerja atau alam sekitar, perincian risiko hendaklah dimasukkan. Perbincangan hendaklah diadakan untuk menentukan kebarangkalian risiko untuk terjadi. Menjawab soalan-soalan dalam Kotak 5.1 boleh membantu dalam mengenalpasti masalah atau isu (Rujuk Kotak 5.1).

Kotak 5.1 Soalan-Soalan Utama dalam Mengenalpasti Masalah

- Apakah masalah atau isu yang ingin ditangani? Adakah ia satu simptom? Apakah punca masalah?
- Adakah masalah tersebut signifikan? Apakah magnitud masalah tersebut?
- Adakah risiko telah dikenalpasti dan dinilai dengan betul?
- Apakah faedah, kos dan risiko sekiranya keadaan semasa dikekalkan?
- Apakah kesannya sekiranya tiada tindakan diambil?
- Mengapa tindakan Kerajaan diperlukan untuk menangani masalah tersebut?
- Adakah terdapat peraturan sedia ada yang masih relevan?
- Sekiranya terdapat peraturan sedia ada, kenapakah tindakan tambahan diperlukan?
- Adakah masalah tersebut akan selesai dengan sendiri dalam suatu tempoh jangkamasa?

Analisis tersebut haruslah:

- i) Mengemukakan bukti mengenai betapa serius (skala dan skop) masalah;
- ii) Menyatakan dengan jelas masalah/isu yang hendak ditangani;
- iii) Mengenalpasti pihak-pihak berkepentingan yang terkesan;
- iv) Merekodkan sebarang peraturan sedia ada di semua peringkat Kerajaan dan menunjukkan bahawa peraturan-peraturan ini tidak dapat menangani masalah dengan berkesan;
- v) Mengenalpasti risiko-risiko yang relevan terhadap keselamatan, kesihatan, alam sekitar atau perniagaan, sekiranya masalah melibatkan risiko dan menganggarkan kebarangkalian kesan buruk, termasuk sekiranya tiada tindakan diambil serta bagaimana tindakan kerajaan boleh mengurangkan risiko tersebut;
- vi) Mengemukakan kes yang jelas untuk pertimbangan bahawa tindakan Kerajaan adalah perlu dan wajar dengan mengambil kira sebarang peraturan sedia ada, tindakan kerajaan yang pernah diambil sebelum ini dan isu-isu berkaitan risiko.

5.1.2 Elemen 2: Objektif

Objektif merujuk kepada tujuan atau matlamat dasar yang ingin dicapai daripada cadangan intervensi atau tindakan kawal selia peraturan yang berkaitan dengan isu atau masalah yang dikenalpasti. Pengawal selia hendaklah mengaitkan objektif dengan dasar sedia ada yang lebih luas atau matlamat Agensi dan Kerajaan, sekiranya ada. Objektif hendaklah diperincikan dengan mengambil pendekatan bahawa iainya spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, realistik, terikat dengan masa, beretika dan berdasarkan kajian (SMARTER).

Hasil yang ingin dicapai daripada cadangan tidak boleh dikelirukan dengan langkah-langkah yang diambil untuk mencapai hasil tersebut. Sebagai contoh, objektif peraturan pengangkutan jalan adalah untuk mengurangkan kecederaan dan kematian yang disebabkan oleh kemalangan trafik. Objektif ini merujuk kepada hasil yang ingin dicapai yang tidak sama dengan kewajipan pemakaian tali pinggang keledar, yang merujuk kepada salah satu langkah yang diambil dalam mencapai matlamat yang diingini iaitu untuk mengurangkan kecederaan dan kematian.

Tujuan analisis bahagian ini bukan untuk membuat justifikasi awal terhadap penyelesaian yang dipilih, namun untuk memperincikan objektif dasar atau hasil yang menyeluruh agar semua pilihan penyelesaian yang relevan boleh dipertimbangkan. Namun begitu, spesifikasi objektif dan hasil hendaklah tidak terlalu umum atau luas yang mengakibatkan pilihan penyelesaian tidak dapat difokus dan terlalu luas untuk dinilai serta pencapaian objektif/hasil menjadi sukar untuk diukur.

Maklumat yang mesti dikemukakan termasuk:

- i) Perincian hasil yang ingin dicapai oleh peraturan;
- ii) Objektif sekunder yang menyokong objektif utama cadangan;
- iii) Sekiranya terdapat apa-apa kekangan contohnya hasil hendaklah dicapai dalam suatu jangkamasa yang spesifik;
- iv) Penjelasan bagaimana cadangan peraturan tersebut menepati keseluruhan rangka dasar jabatan dan penjelasan bagaimana ia adalah sebahagian daripada mandat jabatan; dan
- v) Sama ada terdapat suatu statut yang memperuntukkan punca kuasa atau arahan Kerajaan contohnya keputusan kabinet atau dasar Kerajaan berkaitan pelaksanaan peraturan baru.

Jawapan kepada beberapa soalan utama seperti di Kotak 5.2 di bawah boleh membantu dalam membangunkan objektif:

Kotak 5.2 Soalan-soalan Utama dalam Menentukan Objektif

- Adakah objektif-objektif dikemukakan adalah jelas dan menggunakan bahasa yang ringkas, dengan memberi konteks untuk membantu pembaca memahami peraturan yang diusulkan?
- Adakah objektif-objektif tersebut secara asasnya bersifat jangka panjang atau jangka sederhana?
- Adakah objektif-objektif tersebut patuh dengan kriteria SMARTER?
- Adakah kriteria prestasi bersifat jangka panjang atau jangka sederhana?
- Adakah terdapat keperluan dan kaitan dengan dasar Kerajaan sedia ada?

5.1.3 Elemen 3: Opsyen

Pengawal Selia hendaklah mempertimbangkan pelbagai opsyen peraturan dan bukan peraturan dalam menangani isu atau risiko yang telah dikenalpasti. RIS hendaklah memperincikan setiap opsyen lain dan kemungkinan risiko yang berkaitan serta menjelaskan bagaimana opsyen tersebut, sekiranya dilaksanakan, akan membantu mencapai hasil yang diingini. Setiap opsyen yang dibangunkan untuk pertimbangan sepatutnya boleh dilaksanakan dan dapat mencapai objektif dasar. Kebolehlaksanaan opsyen ini ditentukan oleh faktor-faktor seperti tempoh masa, kesediaan sumber, tahap dan impak masalah, dan lain-lain. Pengawal selia hendaklah mempertimbangkan sekurang-kurangnya 3 opsyen yang bersesuaian yang merangkumi opsyen untuk tidak melibatkan campur tangan Kerajaan.

Penilaian opsyen hendaklah mengambilkira sama ada masalah yang ingin ditangani boleh diselesaikan dengan menggunakan peraturan sedia ada berbanding memperkenalkan langkah-langkah baharu. Sebagai contoh, sekiranya suatu masalah berpunca daripada ketidakberkesanan koordinasi, menambahbaik mekanisme koordinasi atau menambahbaik keberkesanan pelaksanaan mungkin boleh menyelesaikan masalah tanpa memerlukan peraturan baru.

a. Penilaian Risiko

Dalam membuat penilaian terhadap opsyen yang ada, risiko adalah faktor penting untuk dipertimbangkan. Risiko ialah kebarangkalian perkara yang tidak diingini berlaku dalam cadangan opsyen dan kesan-kesan yang boleh timbul daripadanya. Bahagian utama dalam proses penilaian risiko ialah untuk menentukan tindakan yang perlu diambil untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko serta kesannya. Kebanyakan cadangan dasar diperkenalkan untuk menangani risiko-risiko terhadap keselamatan dan kesihatan pengguna atau pekerja dan pelindungan alam sekitar.

Sebagai contoh, risiko individu kepada kemudaratan apabila melakukan aktiviti tertentu di tempat kerja. Takrifan kemudaratan merangkumi kematian, kecederaan atau penyakit manakala bahaya merujuk kepada kemungkinan yang boleh menyebabkan kemudaratan. (Rujuk Lampiran 2 untuk Panduan bagi Analisis Risiko)

b. Mengenalpasti opsyen

RIA merangkumi penilaian keberkesanan dan kesesuaian opsyen alternatif untuk mencapai objektif yang dikenalpasti. Opsyen penyelesaian boleh dirujuk kepada opsyen sama ada instrumen kawal selia melibatkan langkah-langkah peraturan atau bukan peraturan. Instrumen kawal selia sekiranya diterapkan, hendaklah menjurus kepada keperluan minimum untuk mencapai sasaran. Apabila keputusan dibuat untuk mempertimbangkan opsyen peraturan, faktor-faktor yang perlu diambil kira adalah seperti di Kotak 5.3.

Kotak 5.3 Faktor-faktor Utama apabila Mengambil Langkah Peraturan

- Apakah sifat masalah? Adakah ia melibatkan kesihatan awam, keselamatan, kemudaratan kepada alam sekitar atau persaingan yang tidak adil?
- Apakah risiko kepada kemudaratan atau bahaya tinggi atau rendah?
- Adakah terdapat keperluan untuk campur tangan kerajaan? Adakah peraturan merupakan penyelesaian yang terbaik? Adakah masalah tersebut boleh diselesaikan melalui peraturan kendiri?
- Adakah masalah tersebut signifikan? Adakah kos intervensi lebih tinggi berbanding potensi keuntungan?
- Apakah kebarangkalian cadangan intervensi mencapai hasil yang diingini?
- Adakah perlu untuk Pengawal Selia mengambil langkah ke belakang dan membiarkan kuasa pasaran menangani masalah tersebut? Apakah risiko yang mungkin terjadi?
- Adakah langkah yang dicadangkan itu sesuai dengan pematuhan dan piawaian serta amalan yang diterima di peringkat antarabangsa?
- Adakah isu pematuhan dan penguatkuasaan telah dipertimbangkan?

c. Status-Quo

Pilihan pertama adalah seharusnya status quo (tidak melakukan apa-apa) atau tidak melakukan apa-apa perubahan. Status quo perlu menerangkan berkenaan perundangan/peraturan sedia ada, intervensi kerajaan atau program yang sedang dijalankan dan apakah impak kepada pihak - pihak berkepentingan sekiranya tiada sebarang tindakan dilakukan. Mengelakkan status quo perlu dipertimbangkan bagi mengenalpasti adakah ianya masih relevan dan boleh dijadikan opsyen terbaik dalam menangani sesuatu masalah. Mengelakkan keadaan semasa atau “tidak berbuat apa-apa” juga boleh dijadikan sebagai satu opsyen penyelesaian yang sah.

d. Jenis-jenis Opsyen Peraturan

Apabila campur tangan kerajaan dibenarkan, penggubal dasar boleh mempertimbangkan pelbagai opsyen peraturan yang ada.

i) Peraturan Kendiri

Peraturan Kendiri secara umumnya merujuk kepada tatakelakuan dan peraturan yang dibangunkan untuk dipatuhi oleh industri di mana industri berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya dalam penguatkuasaan. Peraturan kendiri adalah pilihan yang wajar sekiranya:

- Tidak terdapat kepentingan awam yang signifikan terutamanya apabila tidak terdapat isu keselamatan dan kesihatan awam.
- Masalah mempunyai risiko dan impak keberkesanan yang rendah atau tidak signifikan.
- Masalah boleh diselesaikan melalui kuasa pasaran.

Peraturan kendiri tidak berkesan sekiranya industri tersebut mempunyai kepentingan untuk tidak mematuhi peraturan atau tatacara tatakelakuan.

ii) Peraturan Quasi

Peraturan Quasi meliputi kepelbagaiannya peraturan atau pengaturan dan digunakan apabila risiko atau kemudaratannya adalah rendah. Kerajaan mempengaruhi perniagaan untuk mematuhi peraturan yang bukan sebahagian daripada peraturan Kerajaan secara eksplisit. Peraturan Quasi boleh dalam bentuk kod amalan industri yang dibangunkan bersama penglibatan Kerajaan, garis panduan sukarela yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan dan skema akreditasi.

iii) Peraturan Bersama

Peraturan bersama merujuk kepada situasi di mana industri membangunkan dan mentadbir aturan sendiri namun Kerajaan memberi sokongan perundangan untuk membolehkan aturan dikuatkuasa. Kadangkala peruntukan undang-undang meletakkan piawaian yang wajib dipatuhi tetapi masih memperaku pematuhan dengan kod industri yang setaraf.

iv) Peraturan Eksplisit Kerajaan

Peraturan eksplisit Kerajaan merangkumi undang-undang utama dan subsidiari. Ia merupakan jenis peraturan yang paling biasa digunakan. Peraturan eksplisit Kerajaan boleh dipertimbangkan apabila:

- Masalah mendarangkan risiko yang tinggi, impak tinggi atau signifikan (contohnya yang melibatkan kesihatan awam dan isu keselamatan).
- Orang awam atau komuniti perniagaan memerlukan kepastian yang boleh diberikan melalui sekatan undang-undang.
- Terdapat keperluan untuk penggunaan secara menyeluruh (atau sekurang-kurangnya meliputi keseluruhan sektor industri atau lebih dari satu sektor industri diputuskan sebagai perlu).
- Terdapat masalah pematuhan yang sistemik dengan sejarah yang berulang atau pelanggaran secara terang-terangan dan tidak terdapat sebarang pilihan alternatif untuk sekatan yang berkesan untuk digunakan.

e. Opsyen Bukan Peraturan

Opsi bukan peraturan sepatutnya dipertimbangkan untuk menangani masalah atau isu, sama ada secara bersendirian atau digabungkan dengan langkah-langkah peraturan. Pilihan-pilihan bukan peraturan meliputi:

- Kempen-kempen maklumat atau pendidikan termasuk pelabelan produk atau kempen media.
- Piawaian yang bersifat sukarela atau berdasarkan prestasi.
- Mekanisme lain contohnya pendaftaran maklumat awam, audit-audit wajib dan skema jaminan kualiti.

Contoh-Contoh Alternatif Kepada Peraturan

1. Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) di bawah Seksyen 185 memberi kuasa kepada Suruhanjaya Multimedia untuk menetapkan industri sebagai “Forum Piawaian Teknikal”. Badan ini menyediakan kod teknikal untuk isu peraturan industri contohnya yang berkaitan dengan interoperabiliti, keselamatan rangkaian-rangkaian, kelulusan peralatan dan peranti-peranti pelanggan. Suruhanjaya ini juga diberi kuasa untuk mendaftarkan Agensi-agensi pensijilan yang mengesahkan pematuhan terhadap kod yang dibangunkan oleh badan dalam industri.
2. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) di bawah Seksyen 37 memberi kuasa kepada Menteri untuk meluluskan kod amalan industri yang dibangunkan oleh seseorang entiti dan mensyaratkan pematuhan wajib terhadap kod tersebut.
3. Ketika gas Liquefied Petroleum Gas (LPG) yang dibotolkan diperkenalkan di Malaysia, setiap pembekal memasang injap unik pada silinder gas mereka. Ini bermakna bahawa apabila pengguna membeli pengatur penyambung tertentu untuk pembakar atau ketuharnya, pengguna hanya dapat menggunakan gas yang dibekalkan oleh pembekal tersebut dan tidak melalui pembekal lain. Ini menyusahkan pengguna dan pengguna tidak berpuas hati. Pihak berkuasa berunding dengan pembekal-pembekal dan keputusan dicapai untuk menggunakan reka bentuk kawal selia yang sama. Satu piawaian dibangunkan untuk reka bentuk yang sama dan semua pembekal menggunakan reka bentuk ini secara sukarela. Suatu peraturan adalah tidak perlu.

Contoh-Contoh Tindakan Bukan Peraturan

1. Dagangan sebaran pencemar adalah pendekatan berdasarkan pasaran yang digunakan untuk mengawal pencemaran dengan memberi insentif ekonomi untuk mengurangkan pelepasan bahan-bahan pencemar. Pihak berkuasa pusat menetapkan had atau tahap pada jumlah bahan pencemar yang boleh dilepaskan. Had atau tahap diperuntukkan atau dijual kepada syarikat dalam bentuk permit pelepasan yang mewakili hak untuk mengeluarkan atau melepaskan isipadu tertentu untuk bahan pencemar. Syarikat dikehendaki memegang sejumlah permit (atau kredit karbon) bersamaan dengan pelepasan bahan pencemar. Gabungan pelepasan jumlah permit tidak boleh melebihi had yang ditetapkan, dengan itu mengehadkan jumlah pelepasan ke tahap itu. Syarikat yang perlu meningkatkan pelepasan bahan pencemar mereka hendaklah membeli permit daripada syarikat lain yang memerlukan permit yang sedikit.

2. Cukai tinggi yang dikenakan untuk produk tertentu, misalnya produk tembakau, adalah usaha dalam mengurangkan penggunaan tembakau untuk sasaran meningkatkan tahap kesihatan.
3. Pendekatan alternatif kepada peraturan yang paling biasa digunakan di banyak negara ialah melalui kempen-kempen informasi dan pendidikan. Kempen-kempen ini mendidik dan memotivasi masyarakat dan pengguna untuk mengambil tindakan atau membuat pilihan yang tepat, contohnya, kempen yang bertujuan untuk mengurangkan kelajuan ketika memandu, atau kempen anti-merokok atau kempen mengurangkan pembuangan sampah di merata tempat. Walaupun kebanyakan kempen informasi hanya bertujuan untuk memberi maklumat kepada rakyat dan meningkatkan pilihan pengguna, beberapa kempen informasi adalah lebih menjurus kepada usaha mengubah tingkah laku untuk mencapai objektif tertentu.
4. Skema pensijilan secara sukarela untuk keselamatan produk, kualiti atau tenaga yang efisien adalah beberapa contoh pendekatan bukan peraturan untuk mencapai objektif. Kerajaan memberi sokongan terhadap tindakan ini dengan mengakreditasikan organisasi pensijilan.

5.1.4 Elemen 4: Analisis Impak

Langkah selanjutnya dalam RIA ialah melaksanakan analisis menyeluruh mengenai kos dan faedah untuk setiap opsyen yang dikenalpasti. Objektif utama adalah untuk memaklumkan pembuat keputusan mengenai kesan-kesan yang mungkin timbul daripada opsyen-opsyen yang ada.

Secara umumnya, sejauh mana analisis impak perlu dilaksanakan haruslah sepadan dengan betapa pentingnya impak keseluruhan. Sekiranya terdapat cadangan utama dengan impak yang ketara, tahap pengukuran yang lebih besar atau *Full R/A* dan analisis kos-faedah yang formal dengan pengumpulan data yang luas dan konsultasi perlu dilakukan. *Light R/A* adalah mencukupi untuk cadangan-cadangan yang dijangka tidak mempunyai impak yang besar atau ketara. Lampiran 3 memberi contoh-contoh kategori-kategori RIS, ciri-ciri dan tahap analisis yang diperlukan, seperti yang digunakan oleh Kerajaan Australia.

Pengawal selia harus:

- Mengenalpasti kumpulan dalam komuniti yang mungkin menerima kesan oleh setiap pilihan dan menyatakan kemungkinan impak ekonomi, sosial dan persekitaran terhadap mereka.

- Menilai kos dan faedah semua pilihan dalam jangka masa yang munasabah (contohnya 5 tahun), disokong oleh tahap pembuktian yang mencukupi, di mana bersesuaian, melalui analisis kos-faedah yang terperinci.
- Menilai impak terhadap perniagaan, terutama perniagaan kecil, dan mengukur kesan setiap pilihan terhadap kos pematuhan perniagaan
- Jika objektif peraturan adalah untuk mengurangkan risiko, mengkaji sejauh mana setiap pilihan akan mengurangkan risiko serta kos-kos dan faedah-faedah yang berkaitan
- Mendokumentasikan sebarang piawaian antarabangsa yang relevan dan, jika peraturan yang diusulkan tidak sesuai dengan piawaian ini, implikasinya hendaklah dikenalpasti dan perbezaan mestilah mempunyai justifikasi.
- Menunjukkan bahawa objektif-objektif kerajaan hanya boleh dicapai dengan menyekat persaingan sekiranya peraturan yang diusulkan mengekalkan atau menetapkan sekatan terhadap persaingan.
- Memberi bukti untuk menyokong andaian utama yang dibuat dan mengenalpasti dengan jelas sebarang jurang dalam data yang ada

a. Mengenalpasti Pihak Berkepentingan yang Terkesan

RIA hendaklah mengenalpasti dengan jelas semua pihak yang terlibat, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung oleh masalah dan penyelesaian yang diusulkan. Kumpulan-kumpulan secara amnya dibezakan sebagai pengguna, pekerja, perniagaan dan Kerajaan. Kumpulan-kumpulan ini boleh dikategorikan dengan lebih spesifik, contohnya:

- Dalam kumpulan pengguna, mungkin perlu dikelaskan berdasarkan pendapatan, lokasi geografi, umur, unit keluarga, latar belakang budaya atau tahap pendidikan.
- Di dalam kategori perniagaan, perbezaan dapat dibuat sepanjang industri atau garisan sektorial, jenis aktiviti yang dilakukan atau mengikut saiz perniagaan.
- Di dalam kategori kerajaan, klasifikasi boleh dibuat berdasarkan sama ada impak-impak dirasai di peringkat Pusat, Negeri atau Kerajaan Tempatan.

b. Menganalisa opsyen

Proses RIA menentukan opsyen yang sesuai dan menganalisa setiap opsyen dari segi kesan positif dan negatif melalui analisis kos dan faedah. Tujuannya adalah untuk mengenalpasti pilihan yang membawa kepada keuntungan bersih yang paling besar dan kos yang paling rendah terhadap masyarakat secara keseluruhan. Terdapat sejumlah pendekatan atau teknik analisis kuantitatif yang berbeza untuk membantu menentukan pilihan yang paling sesuai seperti yang dibincangkan di bawah:

i) Penilaian Risiko

Risiko yang berkaitan dengan setiap pilihan harus dikenalpasti dan dinilai. Apa-apa pertimbangan risiko perlu dibuat secara eksplisit, sebagai contoh, kompromi di antara pilihan kos-tinggi / risiko-rendah dan kos-rendah / risiko-tinggi.

Ia mungkin relevan untuk menilai kebarangkalian risiko tertentu berlaku terhadap betapa besarnya kemungkinan impak sekiranya ia berlaku. Terdapat kemungkinan bahawa kebarangkalian ini tidak dapat ditentukan dengan tahap kebolehpercayaan yang tinggi, namun usaha terbaik dapat dijangkakan. Dalam situasi tertentu, mungkin penilaian risiko wajar menilai ‘senario paling buruk’ dan ‘senario paling baik’ dan membuat maklumbalas mengenai kemungkinan salah satu daripada 2 kejadian ekstrem ini berlaku.

ii) Menganalisa Kos dan Faedah

Kos dan faedah adalah istilah yang menggambarkan kesan positif dan negatif cadangan. Kos merujuk kepada apa jua perkara yang memberi kesan lebih teruk terhadap pihak-pihak yang terkesan, komuniti atau sub-kumpulan atau mengurangkan kesejahteraan mereka. Kos boleh juga merangkumi ‘peluang yang dilepaskan’ jika cadangan tersebut dilaksanakan. Faedah termasuk perkara yang memberi kesan yang lebih baik terhadap pihak-pihak yang terkesan, komuniti atau sub-kumpulan.

Terdapat pelbagai pendekatan untuk melaksanakan analisis kos dan faedah dan pendekatan pilihan bergantung kepada maklumat yang ada, terutamanya data kuantitatif. Antara pendekatan yang sering digunakan adalah Analisis Kos-Faedah (CBA), *Cost Effectiveness Analysis* (CEA) (Lampiran 4: Panduan untuk CEA) dan *Multi Criteria Analysis* (MCA) (Lampiran 5: Panduan untuk MCA). CBA paling berkesan dalam keadaan di mana terdapat data kuantitatif yang boleh dipercayai yang menjadi asas analisis. Walau bagaimanapun, adalah perlu diingatkan bahawa CBA juga harus mempertimbangkan pembahagian faedah dan kos, serta mengambilkira kesan yang sukar diukur. CEA boleh digunakan apabila terdapat data kuantitatif berkaitan kos dan maklumat mengenai hasil dapat diterjemahkan di dalam unit ukuran, seperti nyawa yang diselamatkan, pengurangan kemalangan, dan lain-lain. MCA adalah pendekatan yang membandingkan hasil-hasil pilihan berdasarkan satu set kriteria (objektif) menggunakan sistem penarafan dan kedudukan.

Perkara-perkara utama berkaitan dengan analisis kos dan faedah ditunjukkan dalam Kotak 5.4 di bawah:

Kotak 5.4: Perkara-perkara Utama dalam Analisis Kos-Faedah

1. Kos

Kos terhadap perniagaan termasuk:

- ‘Beban kertas’ atau kos-kos pentadbiran yang ditanggung oleh perniagaan yang berkaitan dengan pematuhan atau pelaporan mengenai syarat-syarat peraturan.
- Bayaran lesen atau caj lain yang dikenakan oleh kerajaan.
- Perubahan yang mungkin diperlukan dalam pengeluaran, pengangkutan dan prosedur pemasaran.
- Peralihan kepada sumber alternatif untuk bekalan input
- Harga input yang lebih tinggi.
- Akses terhad ke pasaran.

Kos terhadap pengguna termasuk:

- Harga barang dan perkhidmatan yang lebih tinggi disebabkan oleh sekatan terhadap persaingan.
- Kekurangan utiliti (kualiti, pilihan, dll.) untuk barang dan perkhidmatan.
- Kelewatan produk memasuki pasaran dan/atau sekatan dalam ketersediaan produk.

Kos terhadap komuniti dan/atau alam sekitar termasuk:

- Kemerosotan atau pencemaran alam sekitar.
- Pengurangan kesihatan awam dan keselamatan
- Pengagihan semula yang tidak diingini terhadap pendapatan dan kekayaan.
- Menurunkan tahap pekerjaan atau pertumbuhan ekonomi.

Kos terhadap Kerajaan termasuk:

- Kos pembangunan peraturan.
- Melaksanakan kempen pendidikan/memberi maklumat.
- Pentadbiran perkhidmatan perlesenan/perkhidmatan/pemeriksaan.
- Pengumpulan dan penyatuan maklumat perniagaan.
- Kos penguatkuasaan termasuk kos litigasi.

2. Faedah

Pengenalpastian dan perincian berkenaan faedah-faedah pilihan kepada pengguna, perniagaan, Kerajaan, pihak-pihak yang terkesan dan masyarakat secara umum. Sesetengah faedah tertentu mungkin tidak dapat diukur. Contoh faedah-faedah termasuk:

- Penambahbaikan kualiti produk dan perkhidmatan.
- Ketersediaan pelbagai produk dan perkhidmatan yang lebih luas.
- Pengurangan kos atau harga produk dan perkhidmatan.
- Pengurangan kemalangan dan penambahbaikan kesihatan awam dan keselamatan
- Penambahbaikan alam sekitar.
- Pengurangan kos pematuhan untuk perniagaan dan kos pentadbiran untuk kerajaan.
- Penambahbaikan dalam maklumat yang tersedia untuk perniagaan, tenaga kerja, pengguna atau Kerajaan.

3. Pengagihan Kos dan Faedah

- Dengan berdasarkan sejauh mana nilai pengagihan dan ekuiti dipengaruhi oleh campur tangan kerajaan, pengawal selia hendaklah telus dalam pengagihan kos dan faedah peraturan kepada pelbagai kumpulan sosial.

Ringkasan cadangan kos-faedah hendaklah dimasukkan dalam proses RIA. Format untuk Ringkasan Penyata Kos-Faedah adalah seperti di Jadual 1 di bawah. Jadual tersebut memberi ringkasan faedah-faedah dan kos-kos bagi kuantitatif dan kualitatif terhadap pihak-pihak yang terkesan.

Jadual 1: Penyata Ringkasan Kos-Faedah

IMPAK	KOS/UNIT
A. Impak yang diukur (RM/tahun) Faedah-faedah (mengikut kumpulan pihak berkepentingan) Kos-kos (mengikut kumpulan pihak berkepentingan) Faedah bersih	
B. Impak yang diukur bukan dari segi kewangan (unit/tahun) Impak positif dan negatif (mengikut kumpulan pihak berkepentingan)	
C. Impak kualitatif atau tidak terukur Impak positif dan negatif (mengikut kumpulan pihak berkepentingan)	

Nota Penjelasan

1. Bahagian A: Impak yang boleh diukur dan berdasarkan kewangan

Memandangkan terdapat faedah daripada dasar peraturan yang susah diukur, usaha perlu dilakukan untuk menggunakan kaedah alternatif untuk membuat ukuran. Hanya kos-kos dan faedah-faedah yang boleh diukur dari segi kewangan boleh digunakan untuk mencapai faedah bersih.

2. Bahagian B: Impak yang boleh diukur tetapi tidak menjurus kepada kewangan

Untuk item-item di mana faedah atau kosnya tidak menjurus kepada kewangan tetapi boleh diukur, item-item ini boleh disenaraikan dari segi unit fizikal. Kedua-dua kesan positif dan negatif yang pernah diukur dan jelas menunjukkan unit ukuran (contohnya bilangan kematian atau kecederaan yang dielakkan) hendaklah dikemukakan.

3. Bahagian C: Impak kualitatif atau tidak dapat diukur sama ada dari segi kewangan atau dikuantitikan

Item-item yang tidak ketara atau bersifat kualitatif yang cenderung mempunyai impak yang penting dalam membuat keputusan harus disenaraikan dan kepentingan dinyatakan secara ringkas. Perkara-perkara ini adalah elemen-elemen analisis yang penting tetapi tidak dapat dianggarkan. Senaraikan kedua-duanya kesan positif dan negatif mengikut kumpulan pihak berkepentingan. Impak kualitatif ini boleh menjadi sangat penting bagi pembuat keputusan.

ii) Kos Pematuhan Perniagaan

Peraturan mengenakan pelbagai kos terhadap perniagaan seperti kos kewangan, kos peluang, kos tidak langsung dan kos pematuhan. Kos-kos peraturan terhadap perniagaan cenderung disalurkan kepada pengguna akhir. Dalam menilai kos-kos peraturan, tumpuan diberikan kepada kos-kos pematuhan kerana ia memberi peluang yang ketara untuk mengurangkan beban peraturan. Kos-kos pematuhan merangkumi kos substantif dan kos pentadbiran yang membebankan. Pilihan peraturan adalah efektif dari segi kos apabila ia memberi beban yang minimum namun membawa faedah bersih yang besar kepada komuniti. Semua kos pematuhan harus diukur. Tugas utama pengawal selia adalah untuk menyediakan penilaian yang adil dan seimbang kepada pembuat keputusan. Panduan terperinci berkenaan kos pematuhan disertakan di Lampiran 6: Panduan untuk Kos-Kos Pematuhan Perniagaan.

Kaedah yang biasa digunakan untuk mengukur kos beban pentadbiran adalah menggunakan *Standard Cost Model* (SCM). SCM memungkinkan untuk mengukur beban pentadbiran peraturan melalui pengukuran aktiviti pentadbiran yang mesti dijalankan untuk mematuhi peraturan.

iii) Impak terhadap Perniagaan Kecil

Peraturan mungkin mempunyai impak yang tidak berkadar ke atas perniagaan kecil kerana mereka harus memperuntukkan sebahagian besar sumber yang terhad untuk memenuhi syarat-syarat peraturan. Tambahan pula, perniagaan kecil berkemungkinan tidak mempunyai pekerja yang mahir seperti peguam, akauntan atau pegawai sumber manusia yang professional dengan pengetahuan yang mendalam mengenai peraturan, oleh itu kos tambahan diperlukan untuk mendapatkan khidmat mereka.

iv) Sekatan ke atas Persaingan

Sesetengah peraturan akan menyekat persaingan. Sekatan dalam persaingan ini merangkumi monopoli yang menghalang persaingan di seluruh sektor sehingga kepada sejumlah sekatan yang kurang ketara pada peringkat memulakan dan menjalankan perniagaan seperti kuota-kuota pelesenan perniagaan serta sekatan-sekatan pada waktu.

Contohnya, syarat-syarat perlesenan untuk menggalakkan objektif kesihatan dan keselamatan boleh mengehadkan bilangan syarikat yang terlibat dalam industri atau pekerjaan, dengan demikian memberi peluang kepada operator-operator yang sedia ada untuk menaikkan caj-caj mereka. Begitu juga, menyekat pengeluar-pengeluar daripada melabel produk secara bebas boleh menyekat persaingan, dengan demikian mengehadkan penawaran dan memungkinkan kenaikan harga.

Apabila sesuatu cadangan menyekat persaingan, RIA mesti menunjukkan bahawa ia akan memberi faedah kepada masyarakat yang melebihi kos, dan tidak ada kaedah alternatif lain untuk mencapai objektif yang sama tanpa menyekat persaingan.

Sekiranya sesuatu cadangan cenderung untuk menyekat persaingan, RIA harus menilai impaknya terhadap perkara di bawah:

- **Perniagaan-perniagaan sedia ada**

Adakah peraturan yang dicadangkan akan menyebabkan firma yang terikat dengan peraturan beroperasi secara berbeza dan mengubah hubungan yang kompetitif antara mereka dengan cara yang akan mengurangkan keamatan persaingan di pasaran secara keseluruhan?

- **Kemasukan perniagaan-perniagaan baru**

Adakah usul peraturan akan menyekat persaingan kepada semua, atau hanya untuk jenis-jenis perniagaan baru tertentu sahaja? Apakah kemungkinan tahap sekatan ini berlaku dan adakah ia berkemungkinan untuk mengurangkan tekanan persaingan jangka panjang?

- **Harga dan pengeluaran**

Adakah usul peraturan ini akan meningkatkan harga dengan menambah kos baru terhadap pengeluar? Adakah peraturan ini boleh membawa kepada penutupan sesetengah syarikat sedia ada, oleh yang demikian mengurangkan bekalan serta menaikkan harga? Adakah peraturan ini meningkatkan prospek pakatan di kalangan firma-firma untuk menaikkan harga?

- **Kualiti dan kepelbagaian produk dan perkhidmatan**

Adakah peraturan yang diusulkan merangkumi piawaian minimum yang akan mengurangkan kepelbagaian kombinasi harga/kualiti yang ada di pasaran? Adakah ia cenderung untuk mengurangkan kepelbagaian jenis produk dengan menyekat kemasukan syarikat baru?

- **Pertumbuhan pasaran**

Adakah peraturan yang diusulkan akan cenderung untuk mengehadkan pertumbuhan pasaran sama ada dengan meningkatkan kos terhadap pengeluar atau dengan mengehadkan kebarangkalian untuk kemasukan firma-firma baharu?

- **Pasaran yang berkaitan**

Apakah peraturan yang diusulkan juga memiliki impak-impak anti-persaingan di pasaran hulu (yang menyediakan bekalan input ke pasaran yang dimaksudkan) atau di pasaran hiliran (pasaran yang berkenaan membekalkan input)?

v) Penguatkuasaan dan Pematuhan

Dalam membuat penilaian terhadap pilihan-pilihan, adalah penting juga untuk memastikan langkah-langkah yang dicadangkan boleh dikuatkuasa. Penilaian yang teliti berkenaan bagaimana pihak-pihak yang terkesan akan patuh dengan usul hendaklah dilaksanakan. Adalah sama penting juga untuk menilai sebab ketidakpatuhan semasa dan untuk membuat pertimbangan ke atas pilihan-pilihan lain untuk menambahbaik keadaan tanpa perlu memperkenalkan lebih peraturan. Contohnya, tindakan yang disasarkan ke atas perniagaan atau individu yang tidak patuh hendaklah dipertimbangkan terlebih dahulu. Beberapa isu utama berkaitan penguatkuasaan dan pematuhan dibincangkan dalam Kotak 5.5.

Kotak 5.5: Perkara-Perkara Utama dalam Pertimbangan Penguatkuasaan dan Pematuhan

1. Penilaian terhadap impak yang mungkin berlaku melalui kaedah penguatkuasaan yang berbeza dan risiko yang berkaitan hendaklah dipertimbangkan.
2. Kaedah-kaedah alternatif dalam penguatkuasaan dan kos-kos yang mungkin timbul hendaklah dibuat perbandingan. Apabila risiko rendah, kaedah yang lebih ringan adalah lebih bersesuaian dan hendaklah dipertimbangkan.
3. Tahap penelitian boleh berbeza bergantung kepada risiko ketidakpatuhan, ciri-ciri firma, saiz-saiz firma dan lain-lain.
4. Penilaian kendiri boleh menjadi pilihan yang sesuai jika dibandingkan dengan keperluan pegawai-pegawai penguatkuasaan untuk membuat pemeriksaan sama ada perniagaan-perniagaan yang patuh dengan peraturan.
5. Langkah-langkah preventif contohnya pelesenan, pendaftaran dan penguatkuasaan hendaklah dipertimbang yang meliputi amaran, penggantungan dan notis larangan. Objektif utama adalah untuk mengurangkan kos-kos pentadbiran dan meminimakan birokrasi.
6. Sekiranya penguatkuasaan yang aktif diperlukan, semua pihak yang berkaitan penguatkuasa hendaklah dilibatkan bermula daripada peringkat awal untuk bersetuju dengan prosedur dan untuk menganggar implikasi-implikasi sumber.
7. Sekiranya cadangan memerlukan penubuhan badan penguatkuasaan yang baharu, aktiviti-aktivitinya hendaklah secara disepadukan dengan aktiviti-aktiviti oleh agensi-agensi sedia ada. Kelulusan Kerajaan dan masa yang cukup untuk persediaan hendaklah dipastikan tersedia.
8. Apabila terdapat pertindihan tanggungjawab di kalangan Agensi-agensi penguatkuasaan, koordinasi bersama agensi perlu dipastikan.

Peraturan -peraturan bertujuan untuk mengarah atau mengubah tingkah laku awam untuk mencapai hasil yang disasarkan. Sekatan mungkin perlu untuk menggalakkan pematuhan. Sekiranya sekatan kepada ketidakpatuhan diperlukan, pilihan hendaklah adil dan berkesan yang berkadar dengan ketidakpatuhan. Keputusan untuk sekatan hendaklah ditentukan berdasarkan peruntukan undang-undang. Nasihat daripada pakar berkaitan perkara seperti ini boleh dipohon jika perlu.

5.1.5 Elemen 5: Konsultasi

Secara umumnya, sebarang cadangan peraturan baharu atau pindaan peraturan hendaklah melibatkan konsultasi dengan pihak berpentingan yang berkaitan terutamanya dengan pihak-pihak yang terkesan daripada cadangan tersebut contohnya masyarakat, perniagaan dan organisasi bukan kerajaan (NGOs). Konsultasi membantu dalam memastikan bahawa pelbagai impak dibincangkan dan maklumbalas didengari serta diambil kira.

Konsultasi hendaklah dilakukan untuk tempoh minimum selama 30 hari. Konsultasi hendaklah diadakan bertepatan dengan masa yang mencerminkan usaha telus untuk mendengar dan mempertimbangkan pandangan pihak yang yang berkepentingan dan tidak dilaksanakan hanya sekadar untuk “menandakan kotak selesai tugas” setelah keputusan polisi telah dibuat dengan berkesan.

Faedah-faedah konsultasi termasuk:

- Ketelusan dan kebolehcapaian.
- Cadangan peraturan yang lebih baik melalui maklumat yang lebih komprehensif, membolehkan masalah yang mungkin dihadapi boleh dikenalpasti pada peringkat awal.
- Kebertanggungjawaban melalui peningkatan penelitian melalui analisis dan nasihat para pegawai.
- Penerimaan awam yang lebih baik kerana pihak-pihak yang berkepentingan lebih cenderung untuk menerima cadangan yang telah dirunding bersama mereka.
- Peningkatan pemahaman dan pematuhan.

Pengawal Selia hendaklah mengenalpasti pihak-pihak yang terkesan dan berkepentingan serta memberi peluang kepada mereka untuk mengambil bahagian dalam konsultasi yang bermakna dan terbuka. Proses ini juga harus merangkumi konsultasi antara Agensi yang mana melalui rundingan ini Kementerian dan Agensi Pengawal Selia yang berkaitan dilibatkan dan diberi peluang untuk menyuarakan pandangan mereka. Dokumen konsultasi yang merumuskan isu-isu, objektif-objektif, pilihan-pilihan dan analisis hendaklah diedarkan lebih awal kepada peserta-peserta sesi rundingan untuk memastikan rundingan yang berkesan. Namun begitu, sejauh mana sesuatu konsultasi itu harus dijalankan tertakluk kepada betapa pentingnya cadangan peraturan yang diusulkan serta impak yang mungkin berlaku.

RIS hendaklah menunjukkan bahawa proses rundingan mempunyai kredibiliti, seimbang dan adil. Deraf peraturan perlu dapat diakses oleh pihak-pihak yang berminat untuk memberi maklumat yang lebih terperinci mengenai cadangan tindakan oleh Kerajaan. Walaupun secara prinsipnya persetujuan dicapai, perincian cadangan campur tangan kerajaan selalunya membawa kepada perdebatan.

RIS hendaklah menyediakan rumusan proses konsultasi, maklum balas substantif yang utama, dan bagaimana maklum balas ini diambilkira. Rumusan hendaklah mengandungi perkara-perkara di bawah:

- Pihak-pihak yang terlibat dalam rundingan
- Pendapat-pendapat utama daripada pihak yang berkepentingan yang merujuk kepada persetujuan dan perbezaan pendapat.
- Maklumat berkaitan rundingan antara agensi.
- Mekanisme-mekanisme rundingan yang digunakan.
- Bila dan tempoh masa yang diambil untuk proses rundingan.
- Hasil daripada proses rundingan dan sama ada peraturan dipinda.
- Bagaimanakah cadangan peraturan yang diusulkan disediakan sebagai tindakbalas terhadap komen-komen yang diterima ketika proses pra-penerbitan.
- Bagaimanakah cadangan dipinda dengan mengambilkira pandangan pihak yang berkepentingan. Sekiranya cadangan tidak dipinda, RIS seharusnya menjelaskan mengapa pandangan tersebut tidak diterima.
- Nama mana-mana kumpulan yang masih menentang peraturan tersebut.

Notifikasi-notifikasi yang disyaratkan untuk dihantar kepada World Trade Organisation (WTO) hendaklah dimasukkan bersama ke dalam cadangan-cadangan yang termasuk di bawah skop kewajipan notifikasi kepada Perjanjian WTO Halangan Teknikal kepada Perdagangan (TBT) dan Perjanjian Langkah-langkah Kebersihan dan Fitoksanitasi (SPS). Rujukan pertanyaan WTO TBT¹ dan SPS² hendaklah dilibatkan untuk nasihat dan bantuan dalam menyediakan notifikasi.

Pengawal selia hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa deraf peraturan tidak tertakluk di bawah syarat kerahsiaan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) pada peringkat yang bersesuaian.

1. Maklumat lanjut dan panduan boleh didapati daripada Rujukan Pertanyaan WTO/TBT di SIRIM Berhad, emel:smd@sirim.my, URL:<http://sirim.my/WTO/main.htm>

2. Maklumat lanjut dan panduan boleh didapati daripada Rujukan Pertanyaan WTO/TBT di SIRIM Berhad, emel:smd@sirim.my, URL:<http://sirim.my/WTO/main.htm>

Dokumen-Dokumen Rundingan

1. Persediaan untuk rundingan hendaklah termasuk penyediaan dokumen rundingan yang jelas, ringkas dan fokus.
2. Senarai soalan kepada pihak yang terkesan boleh merangkumi:
 - Memeriksa sama ada faedah-faedah dan kos-kos adalah lengkap.
 - Memastikan sama ada pernilaian kesan persaingan adalah bersesuaian.
 - Memohon maklumbalas terhadap kaedah-kaedah penguatkuasaan yang diusulkan.
 - Menilai sekiranya terdapat kesan-kesan yang tidak diingini.
3. Memastikan penyerahan yang diterima berkaitan kos-kos yang mungkin ada disokong dengan bukti. Ini untuk mengelakkan responden menyatakan secara berlebih-lebihan untuk menghalang mana-mana Jabatan atau Agensi daripada meneruskan langkah-langkah seterusnya.
4. Memohon maklum balas terhadap:
 - Kesahan andaian-andaian yang utama.
 - Pilihan-pilihan yang ada (peraturan dan alternatif-alternatif kepada peraturan)
 - Isu-isu pelaksanaan (termasuk panduan dan garis masa).
 - Dapatan-dapatan awal mengenai isu.

Rundingan Awam Bersepadu (Unified Public Consultation)

Kerajaan telah membangunkan portal Rundingan Awam Bersepadu (Unified Public Consultation - UPC) secara atas talian di mana laman web ini mengandungi kesemua cadangan peraturan baharu dan pindaan terhadap peraturan yang diterbitkan untuk semakan dan maklumbalas daripada pihak-pihak yang berkepentingan dan pengawal-pengawal selia lain. Semua pengawal selia hendaklah menggunakan UPC untuk tujuan rundingan awam terhadap cadangan peraturan baharu atau pindaan peraturan. Maklumat lanjut boleh didapati di laman web UPC iaitu upc.mc.gov.my

5.1.6 Elemen 6: Rumusan dan Syor

Bahagian ini merangkumi penyediaan penyata yang jelas yang memberi cadangan pilihan berdasarkan analisis impak yang dilaksanakan. Cadangan untuk opsyen pilihan hendaklah disokong oleh analisis yang dilaksanakan dan perbandingan kos dan faedah dengan opsyen-opsyen lain. Ia hendaklah menunjukkan bahawa opsyen memadai untuk mencapai matlamat cadangan tindakan dalam cara yang terbaik dan konsisten dengan syarat-syarat polisi GRP.

5.1.7 Elemen 7: Strategi Pelaksanaan

Setelah mengenal pasti pilihan utama untuk mencapai objektif-objektif yang dinyatakan pada permulaan RIS, adalah perlu untuk menggariskan bagaimana opsyen akan dilaksanakan, dipantau dan dinilai. Strategi Pelaksanaan hendaklah meliputi isu-isu berikut:

- Pelan komunikasi hendaklah memastikan bahawa pihak-pihak yang terkesan dimaklumkan tentang peraturan tersebut dan cadangan pelaksanaan.
- Menerangkan mekanisme yang diterima pakai untuk memastikan pematuhan peraturan (termasuk larangan, kesalahan, pemeriksaan, pelesenan, pendaftaran, atau syarat-syarat kelulusan kerajaan yang lain).
- Menghuraikan penalti-penalti bagi ketidakpatuhan (contohnya, denda, hukuman penjara dan penalti cukai).
- Menerangkan cara-cara dan sumber-sumber yang akan digunakan untuk mengesan ketidakpatuhan (contohnya, pemeriksaan atau ujian).
- Mempertimbangkan keupayaan pihak-pihak yang dikawal selia untuk mengambil tindakan-tindakan yang diperlukan seperti melengkapkan borang-borang dan mengekalkan kakitangan-kakitangan yang mempunyai kepakaran atau kelayakan pendidikan.
- Meminimumkan kesan ke atas pihak-pihak berkepentingan. Sebagai contoh, ini boleh dicapai melalui pengenalan keperluan-keperluan baharu secara beransur-ansur atau berfasa dan penyediaan maklumat, latihan dan bantuan lain kepada perniagaan-perniagaan yang terjejas.
- Jika penguatkuasaan bersama diperlukan atau berlaku pertindihan penguatkuasaan, diperlukan, semua pihak penguatkuasa perlu terlibat pada peringkat awal dan bersetuju tentang prosedur-prosedur serta perlu menganggarkan implikasi-implikasi sumber.
- Jika penguatkuasaan bersama diperlukan atau berlaku pertindihan penguatkuasaan, disebabkan oleh cadangan yang diusulkan, aktiviti-aktivitinya perlu disepadukan dengan aktiviti-aktiviti Agensi sedia ada. Penyediaan aktiviti-aktiviti ini perlu mendapat kelulusan Kerajaan di samping mempunyai peruntukan masa yang mencukupi.

Adalah penting bahawa dasar-dasar baharu termasuk peraturan dipantau dan dikaji semula untuk menentukan sama ada peraturan-peraturan ini memberikan hasil yang dijangkakan iaitu memberikan manfaat berdasarkan kos yang dijangkakan, sama ada polisi-polisi mendatangkan akibat-akibat di luar jangkaan dan sama ada peraturan-peraturan ini kekal relevan.

Maklumat tentang bagaimana dan bila peraturan-peraturan akan dipantau dan dinilai adalah perlu. Pelan penilaian hendaklah mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- Menggariskan cadangan untuk memantau dan menilai keberkesanan pilihan-pilihan utama termasuk penunjuk prestasi dan bagaimana data yang diperlukan akan dikumpulkan.
- Menerangkan bagaimana peraturan-peraturan tersebut akan dipantau dan dinilai serta proses penilaian yang akan terlibat.

5.2 Menilai Kecukupan RIS

Selepas MPC memutuskan bahawa RIS diperlukan, tahap analisis yang perlu dilaksanakan dalam RIS perlu berkadar dengan kepentingan kebarangkalian kesan daripada cadangan itu.

Cadangan-cadangan yang mungkin mempunyai kesan ketara terhadap perniagaan-perniagaan dan rakyat secara umumnya memerlukan analisis yang lebih mendalam tentang impak cadangan iaitu *Full R/A*. Jika impak sesuatu cadangan mungkin kurang signifikan, analisis yang kurang terperinci adalah mencukupi iaitu *Light R/A*. MPC akan meneliti ciri dan tahap sesuatu cadangan serta skop kesan cadangan untuk menilai tahap analisis yang diperlukan.

Kriteria untuk menilai sama ada RIS adalah mencukupi adalah seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 7: Kriteria untuk Menilai Kecukupan RIS.

5.3 Ringkasan Satu Halaman RIS

Ringkasan satu halaman RIS mesti disediakan untuk pembuat-pembuat keputusan dan satu salinan perlu diserahkan kepada MPC bersama-sama dengan RIS. Ringkasannya akan merangkumi penerangan ringkas tentang perkara-perkara utama dalam RIS termasuk kesan terhadap pilihan yang dibuat, pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dan pilihan-pilihan alternatif.

Templat untuk penyediaan ringkasan diberikan dalam Lampiran 8: Templat Ringkasan Satu Halaman RIS.

5.4 Log Keluar Proses RIS

RIS mesti diperakui oleh Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Pengarah sesuatu agensi atau Ketua Eksekutif sesuatu organisasi sebelum diserahkan kepada MPC untuk penilaian akhir.

5.5 Penilaian Pasca Pelaksanaan (PIR)

Apabila suatu cadangan diteruskan sama ada dengan atau tanpa RIS sebagaimana yang diperuntukkan dalam perkara 4.2 (Skop dan Pengecualian), peraturan yang dihasilkan haruslah melalui penilaian pasca pelaksanaan. Penilaian ini mesti diadakan dalam tempoh masa 2 tahun dari tarikh penguatkuasaan pelaksanaan peraturan tersebut. Manakala terma-terma rujukan untuk setiap penilaian bergantung pada keadaan-keadaan yang mungkin berbeza mengikut situasi, namun, ulasan secara umumnya hendaklah sama mengikut skala dan skop yang sepatutnya disiapkan pada peringkat membuat keputusan. Isu-isu yang harus dikaji meliputi:

- Masalah yang ingin ditangani oleh peraturan.
- Objektif tindakan kerajaan.
- Impak peraturan iaitu sama ada peraturan tersebut memenuhi objektif-objektif.
- Sama ada objektif-objektif Kerajaan dapat dicapai dengan lebih efisien dan cara yang berkesan.

Pengawal selia harus melaporkan secara terperinci tentang pelaksanaan peraturan tersebut dan kesan sebenarnya dalam penilaian pasca pelaksanaan. Agensi-agensi pengawal selia harus mengumpulkan data daripada perniagaan-perniagaan yang terlibat dan pihak-pihak berkepentingan lain tentang kesan sebenar peraturan termasuk kos-kos pematuhan.

Penilaian harus merangkumi proses konsultasi sejajar dengan syarat-syarat konsultasi seperti mana dalam buku panduan ini (Bahagian 5, Elemen 5). Tahap konsultasi harus berkadar dengan kepentingan tindakan yang dinilai.

Templat untuk penyediaan PIR terdapat di Lampiran 9: Templat untuk PIR.

5.6 Kewajiban-kewajiban yang timbul daripada Triti-triti dan Perjanjian-perjanjian Antarabangsa

Oleh kerana Malaysia menjadi negara ahli kepada triti-triti dan perjanjian-perjanjian antarabangsa, kemungkinan terdapat peruntukan-peruntukan antarabangsa yang mensabitkan kewajiban antarabangsa terhadap Malaysia yang berkemungkinan mempengaruhi peraturan domestik negara. Oleh itu, RIS harus menyatakan kesan peraturan yang dicadangkan terhadap kewajiban antarabangsa tersebut dan bagaimana kesan tersebut telah diambil kira. Panduan tentang bagaimana untuk menangani perkara ini disediakan dalam Lampiran 10: Perjanjian-perjanjian Antarabangsa: Kewajipan Pengawal-pengawal Selia Terhadap Peraturan-peraturan Teknikal dan Peraturan-peraturan SPS.

5.7 Penilaian Impak Perdagangan

Apabila sesuatu peraturan yang diusulkan mempunyai kaitan langsung dengan perdagangan, penilaian kesan perdagangan harus dimasukkan ke dalam RIS. Penilaian harus meliputi rumusan tentang kesan pilihan-pilihan kawal selia dan cadangan-cadangan terhadap pengeksport dan pengimport serta mengukur kesan keseluruhan cadangan terhadap perdagangan antarabangsa Malaysia termasuk apa-apa kesan terhadap daya saing.

5.8 Penilaian ke atas Peraturan Sedia Ada (*Ex-post*)

Penilaian ke atas Peraturan Sedia Ada (*Ex-post*) adalah penting untuk memastikan bahawa peraturan-peraturan adalah berkesan dan cekap. Pertimbangan harus diberikan dari peringkat awal kitaran dasar sehingga ke kriteria pelaksanaan yang akan digunakan untuk menilai pelaksanaan serta peruntukan sumber-sumber institusi. Adalah perlu untuk membuat semakan peraturan dalam pelan tindakan bagi memastikan penilaian *ex-post* dijalankan.

Sebagai sebahagian dari RPMS, terdapat syarat bahawa peraturan perlu dinilai semula setiap 5 tahun. Penilaian tersebut akan merangkumi konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan yang akan dapat memberikan maklum balas yang berharga tentang keberkesanan, kecekapan peraturan dan pendekatan pelaksanaannya.

Pengawal-pengawal selia juga digalakkan untuk melakukan penilaian peraturan secara *adhoc* pada bila-bila masa apabila terdapat keperluan seperti permintaan segera daripada pihak-pihak berkepentingan. Pengawal-pengawal selia boleh meminta bantuan MPC untuk memulakan program penilaian peraturan yang berkaitan. MPC mempunyai sumber yang diperlukan untuk menjalankan program Penilaian Peraturan seperti ‘Mengurangkan Beban Kawal Selia’ yang Tidak Wajar (RURB), ‘Langkah-langkah Bukan Tarif’ (NTM) dan ‘Mengurangkan Karenah Birokrasi’ (MyCURE).

5.9 Rujukan

Dalam penyediaan NPGRP, rujukan dibuat kepada OECD Guiding Principles for Regulatory Quality & Performance dan OECD Recommendation of the Council on Regulatory Policy & Governance.

Templat untuk Penyata Impak Peraturan (RIS)

Tajuk Cadangan

Tajuk Penuh

Rujukan kepada statut (Akta, Enakmen, Peraturan, Kaedah, Undang-undang Kecil) yang menunjukkan peruntukan-peruntukan yang relevan.

1. Penyataan Masalah

Berikan penerangan ringkas tentang isu/masalah yang membawa kepada keperluan untuk tindakan mengadakan peraturan.

Kenal pasti dan terangkan objektif (objektif-objektif) dasar semasa jika berkaitan.

Kenal pasti pihak-pihak yang terkesan dan pihak-pihak berkepentingan yang terlibat. Terangkan bagaimana setiap pihak terkesan akibat daripada peraturan.

Nyatakan mengapa keadaan semasa, termasuk kerangka perundungan semasa tidak mencukupi dan mengapa perubahan dan/atau peraturan baharu diperlukan.

Penilaian risiko: Apakah risiko yang ditangani oleh peraturan? Adakah ia boleh diukur, contohnya berapa orang yang terjejas dan bagaimana?

2. Objektif

Nyatakan dengan jelas niat cadangan atau peraturan yang dicadangkan. Huraikan kesan-kesan atau hasil-hasil yang diingini dan kenal pasti pihak-pihak yang akan terkesan akibat daripada peraturan itu.

3. Opsyen

Senaraikan dan terangkan opsyen-opsyen yang dipilih (status quo, peraturan dan bukan peraturan) yang boleh menjadi kaedah yang sesuai untuk mencapai objektif-objektif yang diingini. Contoh-contoh:

Opsi 1: Tidak melakukan apa-apa atau mengekalkan *status quo*

Opsi 2: Sebagai contoh, memohon industri mengenakan kod amalan secara sukarela/ peraturan kendiri

Opsi 3: Tekankan kebarangkalian risiko-risiko dan batasan-batasan yang berkaitan dengan pilihan-pilihan, menerangkan kecenderungan perkara -perkara itu berlaku dan kesan-kesan sekiranya berlaku.

4. Penilaian Impak

a) Menilai impak

Penilaian impak merangkumi aspek-aspek kos, faedah dan risiko setiap pilihan kepada pengguna-pengguna, perniagaan-perniagaan, Kerajaan dan pihak lain yang dikenal pasti. Secara ideal, penilaian impak mestilah dalam jangka masa 5 tahun.

Kesan Opsyen 1 :

Kesan Opsyen 2 :

Kesan Opsyen 3 :...

Kenal pasti pelbagai faedah (kepada orang ramai, ekonomi, syarikat, persekitaran ...) dan sekiranya perkara-perkara ini boleh menghitungnya. Seboleh-bolehnya faedah semestinya dikira secara tahunan. Gunakan anggaran berangka kasar atau anggaran nilai sesuatu yang tidak diketahui untuk yang kesan yang tidak pasti.

Sektor Perniagaan yang Terjejas

Kenal pasti pihak yang mungkin terjejas secara langsung dan tidak langsung
Apakah sektor-sektor, berapakah firma, apakah saiz firma itu?

Pertimbangkan sama ada cadangan itu membetulkan ketidaksamaan semasa, memperkenalkan suatu ketidaksamaan yang mungkin wajar atau mungkin berkecuali. Adakah sebilangan pihak lebih terjejas daripada yang lain? Adakah faedah akan diperoleh oleh kumpulan yang berbeza daripada kumpulan yang menanggung kos?

b) Kos-kos

(i) Kos-kos pematuhan

Pilihan 1 :

Pilihan 2 :

Pilihan 3 :...

Kenal pasti apa yang perlu dilakukan oleh perniagaan-perniagaan yang terbabit untuk mematuhi peraturan—contohnya keperluan membeli peralatan baru, untuk melatih kakitangan, untuk menyediakan bahan panduan yang disemak semula atau meluangkan lebih banyak masa untuk mengisi borang baru atau menjalani pemeriksaan-pemeriksaan.

Kenal pasti kedua-dua kos awal (sekali dan tidak berulang) dan kos berulang. Seboleh-bolehnya kos-kos harus dikira secara tahunan. Gunakan anggaran dan julat sekiranya terdapat ketidakpastian. Analisis kos harus menggambarkan semua kos, termasuk kos yang ditanggung berikutan akibat yang tidak diingini.



ii) Kos-kos lain

Kenalpasti dan ukur kos yang dikenakan ke atas orang ramai atau organisasi-organisasi selain daripada perniagaan-perniagaan. Sertakan kos-kos yang akan dikenakan ke atas masyarakat atau persekitaran jika berkaitan.

Ringkaskan kesan pilihan-pilihan yang berkaitan dengan beban-beban pentadbiran, permit-permit dan lesen-lesen, kos-kos pematuhan, perniagaan-perniagaan kecil dan sederhana, persaingan, perdagangan antarabangsa, pasaran serta faktor sosioekonomi.

5. Konsultasi

(i) Dalam Kerajaan

Senaraikan jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang terlibat dalam pelan konsultasi dan pihak yang telah dirujuk dalam memuktamadkan cadangan dan RIS.

(ii) Konsultasi Awam

Huraikan rancangan untuk membuat konsultasi dan nyatakan kumpulan-kumpulan yang menjadi sasaran.

Pihak-pihak yang dirunding sering dapat menolong anda dengan memberikan maklumat terperinci tentang kos dan faedah.

Terangkan dengan ringkas tentang proses, bilangan dan asas maklumbalas-maklumbals dan analisis.

6. Rumusan dan Syor

Maklumat boleh diringkaskan seperti dalam jadual:

Opsyen	Jumlah faedah dalam RM (dalam setahun)	Jumlah Kos dalam RM (dalam setahun)	Faedah Lain	Kesan Luar Jangkaan
			Senaraikan dengan penerangan ringkas	
1				
2				
3				
4				

Terangkan secara ringkas opsyen mana yang disyorkan dan mengapa.

Cadangan yang dipilih harus memberikan keseimbangan terbaik antara kos dan faedah.

7. Strategi Pelaksanaan

Terangkan secara ringkas strategi untuk melaksanakan tindakan yang dicadangkan. Kenal pasti pihak-pihak yang bertanggungjawab dan peranan mereka. Anggarkan kos pelaksanaan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Pelan Komunikasi

Terangkan cara yang berkesan dalam memastikan pihak yang terlibat mendapat maklumat tentang peraturan.

Pelan Penguatkuasaan

Kenal pasti badan penguatkuasaan untuk sebarang peraturan dan terangkan kaedah penguatkuasaan. Penalti-penalti yang dikenakan kerana ketidakpatuhan peraturan seharusnya dikenal pasti.

Pelan Pemantauan dan Penilaian

Perincikan bagaimana keberkesanan peraturan diukur dan bila.

Pengisytiharan

Saya setuju dengan pilihan yang disyorkan dalam RIS ini dan saya berpuas hati bahawa faedah-faedahnya mengatasi kos-kos dalam pilihan yang disyorkan.

Ditandatangani:

Nama:

Tajuk:

Jabatan:

Tarikh:

Maklumat untuk dihubungi:

Masukkan nama, alamat dan nombor telefon pegawai yang boleh menjawab mana-mana pertanyaan tentang penilaian atau cadangan peraturan.

Panduan Analisis Risiko

Apakah risiko?

Risiko adalah kebarangkalian kejadian yang tidak diingini berlaku. Kebanyakan aktiviti dalam peraturan, misalnya dalam bidang kesihatan dan keselamatan, adalah berkaitan dengan risiko orang-orang yang tercedera akibat melakukan aktiviti tertentu (contohnya, dengan memakan suatu produk atau dengan bekerja di kilang). Pengertian bahaya merangkumi kematian, kecederaan atau penyakit.

Risiko dapat dilihat dalam beberapa cara. Ia boleh dilihat sama ada risiko sosial atau risiko individu. Risiko sosial mengenalpasti risiko terhadap individu dan mengukur risiko tersebut terhadap masyarakat secara keseluruhan atau sekumpulan besar individu. Risiko individu, sebaliknya berbeza dari seorang individu ke individu yang lain. Di samping itu, risiko sukarela juga boleh berlaku dan perlu dibezakan dari risiko bukan sukarela. Risiko sukarela berlaku di mana seseorang individu boleh memilih untuk melakukan atau mengelakkan aktiviti penyebab risiko dan sedar sepenuhnya mengenai akibat daripada tindakannya.

Sebaliknya, risiko tanpa sukarela berlaku di mana tidak ada pilihan atau maklumat tentang akibatnya tidak mencukupi. Maklumat yang tidak lengkap adalah salah satu bentuk utama kegagalan pasaran. Analisis juga harus menunjukkan perbezaan antara andaian risiko-risiko dan risiko-risiko sebenar. Andaian risiko-risiko berlaku apabila individu-individu melebih-lebihkan kepentingan peristiwa yang secara relatifnya agak mustahil atau menolak kepentingan peristiwa yang kemungkinannya sangat tinggi.

Perbezaan penting yang perlu dibuat semasa melakukan analisis risiko adalah antara risiko dan ketidakpastian. Risiko melibatkan keadaan di mana kebarangkalian pelbagai hasil dapat diketahui dengan baik. Dari segi statistik, kebarangkalian pengedaran boleh dilampirkan dengan kos atau faedah yang menjadi persoalan. Ketidakpastian melibatkan situasi di mana, sementara nilai-nilai kos atau faedah-faedah mungkin diketahui, kebarangkalian hasilhasilnya tidak diketahui.

Apakah analisis risiko?

Analisis risiko adalah satu kaedah untuk menganalisis risiko kejadian yang tidak diingini berlaku dan akibat-akibat yang mungkin timbul sekiranya risiko tersebut berlaku. Bahagian yang penting dalam proses penilaian ini, berikut daripada dua langkah yang pertama, adalah menentukan apakah tindakan yang mungkin diperlukan untuk mengurangkan atau menghilangkan risiko dan/atau akibat-akibatnya.

